

Profil

SAUB
SYARIKAT SAUB



(143398M)

No 93 Medan Gopeng 4, Off Jalan Raja Dr Nazrin
Shah, 31350 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel/Fax: 05 – 3124 564 & 3120 332

H/p: 010 – 468 7418

URL: saub.com.my Email: office@saub.com.my

LATAR BELAKANG SYARIKAT SAUB

Syarikat Saub telah ditubuhkan sejak tahun 1968. Ketika itu syarikat ini terletak di Jalan Lahat, Ipoh. Kami menyediakan perkhidmatan membekal dan membaiki peralatan pejabat, mesin-mesin pejabat, alatulis dan lain-lain lagi. Secara puratanya, pelanggan-pelanggan kami terdiri daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Sekolah-Sekolah dan sebagainya di seluruh negeri Perak.

Syarikat ini sejak mula ditubuhkan berpusat di Bandaraya Ipoh. Pada awalnya syarikat ini terletak di Jalan Lahat, Ipoh. Setelah hamper 20 tahun lebih menjalankan perniagaan di situ kami berpindah ke bangunan sendiri di Medan Gopeng, Ipoh sehinggalah ke hari ini.

Syarikat Saub adalah syarikat yang berstatus Bumiputera dan didaftarkan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Ini bermakna kami layak untuk menyertai tender atau sebutharga kerajaan. Syarikat ini juga berdaftar dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Perak. Syarikat Saub juga merupakan Vendor berdaftar dengan beberapa syarikat seperti Malaysia Airports Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Tabung Haji, Pos Malaysia Berhad dan lain-lain.

Seiring dengan kemajuan ICT di Negara ini Syarikat Saub juga telah mengembangkan perniagaan kami ke seluruh Negara dengan terbinanya laman web kami <http://www.saub.com.my> . Melalui laman web ini para pelanggan boleh berinteraksi dengan kami secara atas talian (online) Pelanggan boleh mengajukan soalan, kritikan, cadangan, aduan atau memohon sebutharga menggunakan laman web kami. Segala maklumat serta produk jualan kami terdapat di dalam laman web tersebut bagi memudahkan para pelanggan. Selain itu pelanggan juga boleh berinteraksi dengan kami melalui laman social <http://www.facebook.com/SyarikatSaub> serta di laman jualan langsung <http://www.mudah.my/syarikatsaub>

Pada masa ini syarikat kami sudah boleh membekalkan sebahagian barangan jualan ke seluruh negara dengan menggunakan perkhidmatan transport atas secara poslaju. Kami berpengalaman membekalkan barangan ke Sabah, Sarawak, Kelantan, Negeri Sembilan dan lain-lain. Kami memberi komitmen sepenuhnya demi mencapai kualiti perkhidmatan yang terbaik dan profesional. Kepuasan pelanggan adalah matlamat utama.

Kami amat berterima kasih kepada pelanggan-pelanggan kami yang telah memberi sokongan berterusan sejak penubuhan syarikat ini.

LATAR BELAKANG PENGASAS SYARIKAT SAUB

Syarikat Saub diasaskan oleh HAJI SAUB BIN RAHMAT PJK. Pada tahun 1968. Beliau memulakan kerjaya sebagai ketua mekanik di sebuah syarikat BRITISH iaitu Roneo Typewriter pada tahun 1948. Pada mulanya syarikat ini didaftarkan atas nama Saub Typewriter Service dan merupakan antara usahawan Melayu pertama menceburi bidang ini pada masa itu.

Pada penghujung tahun 80-an, Haji Saub telah menukarkan nama syarikat ini kepada Syarikat Saub. Dan nama itu di gunakan sehinggalah ke hari ini. Haji Saub merupakan seorang yang di segani di sekitar Ipoh dan seorang yang aktif dalam hal ehwal masyarakat setempat dan juga kegiatan niaga kaum Melayu.

Haji Saub telah ke rahmatullah pada 05hb Januari 2015, segala urusan Syarikat Saub sekarang di serah kan sepenuhnya kepada anak beliau iaitu Roslen Bin Haji Saub. Dan sehingga kini anak beliau meneruskan perniagaan ini.

PERKHIDMATAN SYARIKAT SAUB

- ✓ Membekal segala peralatan / perabot pejabat seperti kerusi, meja, cabinet, open plan partition, display panel dll.
- ✓ Membekal mesin-mesin pejabat seperti Photostat, mesintaip, mesin fax, kalkulator, CCTV, thumb print attendance, note counter, dll.
- ✓ Membekal alat-alat tulis, kertas pendua, ink dan toner, dll.
- ✓ Membekal peralatan sekolah seperti kerusi, meja murid, katil untuk asrama, alat bantuan mengajar dll.
- ✓ Membekal peti besi kalis api pelbagai size.
- ✓ Membekal barangan elektrik.
- ✓ Membekal peralatan sukan.
- ✓ Perkhidmatan servis dan membaiki (alat-alat pejabat & mesin-mesin pejabat)

OBJEKTIF

- ✓ Kepuasan pelanggan adalah keutamaan kami
- ✓ Membekal barang-barang yang berkualiti kepada pelanggan
- ✓ Menawarkan harga yang terbaik
- ✓ Memberi perkhidmatan selepas jualan

MISI

Misi kami adalah untuk menjadi pembekal utama produk-produk jualan kami kepada badan-badan kerajaan di seluruh Negara

VISI

Visi kami untuk menjadi pengeluar produk pengeluaran kami sendiri yang termasyhur di seluruh negara.

LOKASI

Syarikat Saub (143398-M)


Off Jalan Raja Dr. Nazrin Shah (Jalan Gopeng)

31350 Ipoh

Perak Darul Ridzuan

Tel/Fax : 05-3124564 & 05-3120332 H/p: 010 – 468 7418

URL: <http://saub.com.my> eMail : office@saub.com.my



Waktu perniagaan kami ialah dari jam 8.30 pagi sehingga 5.45 petang setiap hari dari Isnin hingga Jumaat. Syarikat kami di tutup pada setiap Sabtu dan Ahad serta cuti umum. Walaupun begitu, pelanggan masih boleh berurusan dengan kami secara online melalui email, dan kami akan memberi respond secepat mungkin.

LAMPIRAN

Bersama ini kami lampirkan sijil-sijil pendaftaran berkaitan dengan syarikat kami dan beberapa contoh produk jualan kami. Diharap mendapat perhatian dan sokongan pihak tuan/puan. Sila hubungi kami untuk sebarang pertanyaan.